

PERTANDINGAN MENCIPTA LOGO UNIT PERANCANG EKONOMI NEGERI (UPEN) SABAH

SYARAT-SYARAT PERTANDINGAN :

1. HADIAH :

Pemenang akan menerima wang tunai berjumlah RM500 manakala wang sugu hati bernilai RM50 setiap satu disediakan untuk 10 peserta yang lain. Semua peserta akan diberikan Sijil Penghargaan.

2. SYARAT-SYARAT PENYERTAAN

- (a) Penyertaan adalah terbuka kepada semua warga UPEN yang berminat dan berdaya kreatif termasuk Ahli Jawatankuasa Pertandingan.
- (b) Penyertaan adalah percuma dan setiap peserta boleh menghantar lebih dari satu (1) logo ciptaan bersama borang penyertaan.
- (c) Kriteria Pengadilkan Bercirikan : Visi dan Misi UPEN dengan menerangkan maksud warna-warna latar logo ciptaan yang digunakan berdasarkan fungsi dan peranan UPEN.
- (d) Semua ciptaan logo hendaklah asli.
- (e) Logo yang dicipta hendaklah berukuran 6 inci x 6 inci dan ditampal atau dicetak di atas kertas A4.
- (f) Maksimum bilangan warna yang digunakan dalam reka cipta logo adalah tiga (3) warna termasuk warna korporat UPEN iaitu hijau (apple green). Tulisan boleh dimasukkan di dalam logo tetapi ianya hendaklah boleh dibaca.
- (g) Logo boleh dicipta dengan menggunakan grafik komputer mengikut standard JPEG, GIF, BMP, PICT atau melalui lukisan tangan.
- (h) Tandatangan serta nombor kad pengenalan hendaklah dicatat di belakang hasil ciptaan masing-masing. (nama tidak perlu dinyatakan)
- (i) Setiap ciptaan hendaklah dikemukakan dalam bentuk "soft copy" (CD) dan "hard copy".

3. TUNTUTAN HAKCIPTA :

Semua hasil ciptaan logo yang diterima daripada peserta pertandingan adalah menjadi 'HAK CIPTA' Unit Perancang Ekonomi Negeri.

4. BORANG PENYERTAAN

Borang penyertaan pertandingan boleh diperolehi atau dimuat turun melalui Laman Web UPEN iaitu <http://www.sabah.gov.my/upen> dan borang penyertaan yang lengkap berserta dengan logo hendaklah dikemukakan kepada Urus Setia, Jawatankuasa Pertandingan Mencipta Logo UPEN.

(Sebarang kemusykilan boleh dirujuk kepada Encik Murad Abd Rashid atau Puan Salbia Abas).

5. KEPUTUSAN PANEL PENGADIL PERTANDINGAN

Keputusan Panel Pengadil Pertandingan Mencipta Logo UPEN adalah MUKTAMAD.

6. TARIKH TUTUP PENYERTAAN

Borang penyertaan berserta logo ciptaan hendaklah sampai kepada Urus Setia, Jawatankuasa Pertandingan Mencipta Logo UPEN selewat-lewatnya sebelum atau pada 21 Julai 2010, pukul 5.00 petang.

7. ALAMAT PENGANJUR

Urus Setia,
Jawatankuasa Pertandingan Mencipta Logo UPEN
Tingkat 6 & 8, Blok B, Wisma MUIS
88999 KOTA KINABALU.
(u.p : Encik Murad Abd Rashid / Puan Salbia Abas)

No. Telefon : 088 265704/263905
No. Faks : 088 263903

